In the post war period, military strength as it had been was no longer an absolute guarantee of victory. Victory is not the exclusive domain of the strongest: **willpower can defeat firepower**. Wars of the pygmies do not require much technology. Certainly, technology must be supported by competent tactics, doctrines, training, and logistics to affect a military advantage. Perhaps, Fuller's statement could be rephrased to read "**tools or weapon, if only the right ones can be found, are only twenty percent of victory.**"

Although in the Gulf they were extremely effective but in other wars they have proved



elusive. However, the accuracy of high-technology weapons was found reduced as evidenced in the following Time report:⁹

"Meanwhile, the performance of other high-technology weapons also came under fire. Classified internal Pentagon reports suggested that the vaunted F-117A Stealth fighter scored 60% of the time, not 90%, and that only half the 288 Tomahawk missiles fired actually hit their target, down from 85%. Even with these revised figures, the high-tech successes made the Desert Storm air campaign the most accurate in history".

Footnotes:

1. Bingham P. "Let the Air Force Fight Future Land Battles." Armed Forces Journal International. Aug 93, pg 42.
2. Clarke M. "Strategic Policy" in the Conventional Dimension of Warfare Since 1945, Deakin University, 1990, pg 7.
3. Heinl, Robert Debs. Dictionary of Military and Naval Quotations. United States Naval Institute, Annapolis, 1966, pg 196.
4. Brodie B. War and Politics. Casell and Company Ltd. 1973, pg 282.
5. Gray C.B. Weapon Don't Make War, University Press of Kansas, 1993, pg 176.
6. Clausewitz Carl, On War, Penguin, London 1968, pg 119.
7. Ziegler D.W. War Peace and International Politics, Scott, Foresman and Company, US, 1990, PG 259.

8. Buzan B, Strategic Studies, Military Technology and International Relation, Mac Millan Press Ltd London, 1989, pg 359.

9. The Time, Pentagons Reports Raise Questions About Some Weapons' Effectiveness, 20 Apr 92. (Article).

BIBLIOGRAPHY

Ball D, Strategy and Defence, Australians Essays, George Allen and Unwin (Publishers) Ltd, Winchester, 1982.

Brenner, Elliot and Hardwood, William, Desert Storm: The Weapons of War, Orion, New York, 1991.

Gavin, James M, "Limited War in Korea and Indo-China", in The Conventional Dimension of War Since 1945, Deakin University, 1990.

Lee R.G, Battlefield Weapons and Systems Technology, Brassey's Defence Publishers, London, 1985.

Moocraft, Paul L, "Bloody Standoff in Afghanistan", ARMY, April 1985.

Reid, Brian H.J.F.C. Fuller: Military Thinker, Mac Millan, London 1987.

Snow, Donald M, "Soviet Reform and High - Technology Imperative", in Parameters, Journal of the US Army War College, March, 1990.

Van Creveld, Martin, Technology and War, The Free Press, New York, 1989.



Kol Shahrudin bin Hassim was commissioned in the RMR corps in 1970. He has held various staff appointments at formations and ministry level. He holds Graduate Diploma and Masters degree in Defence Studies from the Deakin and NSW Universities Australia respectively. He is presently the Colonel Operations at the Army Headquarters.

"Leadership is a process of mutual stimulation which, by the successful interplay of relevant, individual differences, controls human energy in the pursuit of a common cause."

P. Pigors

"Leadership is the ability to get other people to do what they do not want to do and like it".

President Truman

TEORI DAN PRAKTIS KUASA MARITIM DALAM STRATEGI - KONSEP, DOKTRIN, KEJAYAAN DAN KEGAGALANNYA

Lt Kol Naharuddin bin Shaari

SINOPSIS

Artikel ini bertujuan membincang teori dan praktis yang melibatkan kuasa maritim dalam strategi. Secara ringkas tiga negara yang mempraktikkan kuasa maritim dibincang untuk menonjolkan Konsep, Doktrin, Kejayaan dan Kegagalan kuasa tersebut. Pembaca seterusnya bolehlah meneruskan kajian terhadap Konsep dan Doktrin kuasa maritim yang diperlakukan oleh negara UniSoviet, China dan negara-negara lain.

PENDAHULUAN

Sir Walter Raleigh berkata "*Whosoever commands the sea, commands the trade; whosoever commands the trade of the world, commands the riches of the world itself*"¹. Perbincangan kepada tajuk ini akan ditumpukan kepada hujah-hujah pemikir-pemikir terdahulu hingga sekarang. Selain dari itu setengah pemikir menggunakan istilah '*sea power*' dan ada pula penulis-penulis sekarang menggunakan '*maritime power*'. Perbezaan yang ketara antara kedua-dua istilah ini adalah '*sea power*' menumpukan kepada kuasa tentera laut dan '*maritime power*' pula selain dari kuasa tentera laut ia juga memberi penekanan kepada kuasa menyeluruh yang termasuklah perperangan laut, perikanan, penyelidikan hidrografi dan sebagainya. Walau bagaimanapun penulis-penulis dahulu telah menggerakkan langkah kepada subjek ini sebagai bahan yang penting untuk dapat diperbaiki oleh pemikir-pemikir masa kini. Ini seajar dengan peredaran zaman yang menuju kepada teknologi tinggi dan sudah tentulah tahap dan pendekatan kepada ancaman berbeza dan lebih rumit lagi. Pada masa dahulu, mengikut kata *Alfred T. Mahan* untuk memusnahkan kapal perang yang besar perlu menggunakan kapal besar juga². Tetapi pada masa sekarang ianya

amat ketara perbezaannya. Kapal perang kecil pun jika dilengkapi dengan senjata dan 'war head' yang canggih boleh memusnahkan kapal sebesar mana sekalipun. Zaman *Mahan* tidak ada kapal selam dan senjata nuklear. Pada masa sekarang kapal berlayar menggunakan kuasa nuklear dan kapal selam mampu berada di dasar laut dengan begitu lama. Kapal selam juga mampu membawa senjata nuklear dan dapat mencorakkan strategi 'triad'³ yang pada masa kini dianut oleh Amerika Syarikat.

PERBEZAAN DAN PERSAMAAN

Dari pandangan penulis-penulis barat '*sea power*' adalah berkaitan dengan negara atau sekumpulan negara yang menentukan keselamatan dan mengekalkan pemerintahan (command) di laut supaya dapat menggerakkan perdagangan dan sumber-sumber ketenteraan yang diperlukan untuk berjaya di dalam perperangan⁴. Di dalam memperkatakan kejayaan, kemudahan di lautan ini perlu dibendungi daripada musnah. Oleh itu apakah elemen-elemen strategik yang dapat menguasai keseluruhan maritim? Sebenarnya elemen-elemen ini bukan sahaja tertumpu kepada ketenteraan sahaja. Ianya mengandungi pembinaan kapal, keperluan persenjataan,

kemudahan pengkalan-pengkalan di dalam dan di luar negara, sumber-sumber semula jadi (seperti penangkapan ikan), perdagangan, Armada hidrografi dan yang utama sekali sebagai pemutus kuasa maritim ialah Armada Perang⁵. Ianya terdapat perbezaan dengan teori *Mahan* yang melihat 'sea power' dari sudut kuasa tentera laut British di abad ke 17 dan 18. Elemen-elemen yang dihujah oleh *Mahan* adalah tertumpu kepada Lokasi geografi negara, penepatan fizikal, keluasan penaklukan, rakyat, kerektor nasional dan institusi kerajaan⁶.

Ide *Mahan* berhubung dengan 'sea power' ini telah digunakan oleh Admiral Richmond dan Roskill setelah membuat beberapa pengubahsuaian untuk mewujudkan satu rajah tentang 'sea power'⁷ (lihat rajah 1). Seterusnya Professor Geoffrey Till⁸ pula telah menghujah idenya yang berkisar kepada 'Maritime Strategy' dan telah mewujudkan satu rajah yang cuba menerangkan teori beliau terhadap 'Maritime Strategy'.

Terdapat perbezaan antara teori *Richmond* dan *Till*. *Richmond* menumpukan kepada sumber-sumber dan elemen-elemen 'Sea Power'. Manakala *Till* menumpukan kepada kekuatan dan kegunaan tentera laut dari segi politik, ekonomi dan ketenteraan. Namun demikian di era terkini iaitu pasca-perang dingin *Harold John Kearsley* telah mengesyorkan bahawa teori-teori kuasa maritim harus difikirkan semula. Beliau telah mengutarakan penelitian terhadap konsep 'Maritime Power' (lihat rajah 2) yang dikajinya sendiri⁹. Konsep ini lebih kepada keperluan kerjasama antara semua negara di dunia ini. Selain dari itu beliau telah membincangkan mengenai 'input dan output' terhadap kuasa maritim. Mengikutnya banyak faktor-faktor yang boleh dimasukkan kedalam elemen-elemen kuasa maritim namun demikian

apa yang terdapat di dalam model atau rajah yang telah dibuatnya itu adalah mencukupi. Menurutnya lagi kebanyakan pengkaji merasakan dimensi kuasa maritim dipecahkan kepada enam bahagian. Bahagian yang dimaksudkannya ialah:

- * **Jumlah rakyat di dalam negara.**
- * **Jumlah rakyat di dalam bandar.**
- * **Keperluan tenaga janakuasa secara komersil.**
- * **Pengeluaran besi dan besi waja.**
- * **Jumlah perbelanjaan tentera.**
- * **Tahap 'active duty' tentera.**

Seterusnya beliau telah menghujah bahawa terdapat pula perbezaan daripada penulis-penulis lain. Katanya ide *Waltz* banyak persamaan kepada faktor di atas. Namun demikian terdapat pula kekaburan yang mana ianya bercampur aduk antara 'input' dan 'output'. Apa yang penting ialah matlamat hujah-hujah di atas adalah untuk mencapai kuasa maritim itu sendiri. Berbalik pula kepada karya *Alfred T. Mahan*, walaupun telah menjangkaui masanya, namun kebanyakan penulis menggunakan idenya sebagai untuk memperbaiki teori kuasa maritim bagi kegunaan masa kini. Admiral Richmond telah membahagikan elemen-elemen 'sea power' kepada dua kumpulan. Iaitu **moral** dan **kelengkapan**. Beliau melihat bahawa moral adalah bersangkutan dengan sikap, tabiat dan keberanian rakyat sebagai faktor utama. Manakala kelengkapan pula ada kaitan dengan alat-alat peperangan seperti kapal perang, lokasi kapal perang, kualiti dan kuantiti pengkalan, lokasi geografi negara dan status kapal dagangannya¹⁰. *Ken Booth* juga tidak ketinggalan

mengetengahkan karyanya mengenai penting kuasa maritim terhadap hubungan luar. Beliau juga telah mengeluarkan satu model fungsi-fungsi tentera laut¹¹. *Booth* mengatakan kuasa tentera laut akan menjadi lemah jika perlu menguasai jarak yang terlalu jauh. Oleh itu ia perlu mengikuti struktur seperti berikut : satu, menyeluruh (global), kedua, lautan dalam (oceangoing), ketiga, lautan berhampiran (contiguoussea) dan keempat persisiran pantai (coastal). *Till* telah menggunakan struktur yang sama, tetapi telah mengintepritisinya secara lain iaitu: pertama,(global), kedua, (bluewater), ketiga, (regional) dan keempat, (coastal). Banyak lagi pengkaji-pengkaji yang lain telah membuat teori mereka sendiri. Ini termasuklah hierarki *Morris* dan sistem *Grove*¹².

Apa yang perlu dan supaya tidak terkeliru dengan karya-karya di atas perbincangan sepututnya berkisar kepada elemen-elemen di bawah:

* **Kedudukan Geografi.** Salah satu faktor yang penting terhadap sesebuah negara untuk menguasai maritim adalah kedudukan geografinya. Sebagai contoh *Mahan* mengatakan bahawa kenapa British kuat di zaman abad ke 17 dan 18 adalah disebabkan negara itu sebuah kepulauan yakni pertahanan dan keselamatan nagara banyak menumpukan kepada persisiran pantai yang mengelilingi negara tersebut. Oleh itu keperluan kapal laut amat penting dan dari situlah mereka telah memperbaiki kekuatan kapal lautnya sehingga ia telah digeruni oleh musuh tradisinya pada masa itu Perancis. Apa yang dimaksudkan di sini sesebuah negara yang mempunyai persisiran

pantai yang luas perlu mempunyai kuasa maritim yang kuat jika ingin menjamin keselamatan negara.

* **Rupa Bentuk Fizikal.** Apa yang menjadi ukuran penting yang boleh menentukan taburan penduduk sesebuah negara ialah rupa bentuk fizikalnya. Bentuk inilah dapat mempengaruhi rakyatnya untuk menjangkau ke tahap 'sea power'. Kemudahan pelabuhan dan keadaan pantai yang sesuai akan menyenangkan rakyat untuk mengeksplorasi lautan. Sebagai contoh masyarakat Belanda tidak mempunyai tanah yang luas, maka mereka perlu ke laut untuk mencari rezeki. Manakala negara Perancis pula mempunyai tanah yang luas dan rakyat mampu mencari rezeki di dalam negara tanpa perlu mengeksplotasi lautan. Seperti Belanda, negara yang tidak mempunyai keluasan tanahnya ialah Britain, Italy dan Sepanyol terpaksa mengukuhkah kuasa maritimnya demi untuk mengekalkan 'survival' negara mereka. Dalam pada itu telah mengembangkan kuasa mereka dengan menjajahi negara-negara lain.

* **Keluasan Wilayah.** *Mahan* berkata penaklukan wilayah kadangkala boleh melemahkan negara yang menjajah. Ini adalah disebabkan aset pertahanan terpaksa ditaburkan sama rata. Ianya akan meningkatkan peruntukan kewangan dan seterusnya boleh melemahkan negara. Kekuatan sebenarnya bergantung kepada keluasan tanah serta sokongan padu daripada rakyat dan sumber-sumber asli.

* **Penduduk.** Salah satu kayu pengukur terhadap kekuatan 'sea power' sesebuah negara adalah jumlah dan kerektor masyarakatnya. *Mahan* memberi contoh Britain yang mempunyai jumlah rakyat yang ramai dan kebanyakannya mereka penggemar kepada laut. Selain dari itu adalah penting industri perkapalan dari segi pembinaan dan teknologinya lebih baik daripada negara lain. Ini adalah antara sebab yang telah mencorakkan kemampuan Britain sebagai 'sea power' yang unggul di zaman abad yang ke 17 dan 18.

* **Keperibadian Negara.** Faktor ini ada kaitan dengan rakyat yang semula jadi minat kepada laut dan kerajaan telah menggalakkannya. Seterusnya ia telah memberi keuntungan kepada negara apabila rakyat menggunakan kemahiran semula jadi mereka untuk berdagang dengan negara-negara lain melalui laut. Apabila kekayaan datang muncurah-curah maka keselamatannya perlu dikenalkan. Oleh itu kuasa tentera laut perlu dipertingkatkan. Menurut *Mahan*, jika perlu, segala pelayaran kapal dagang perlu diiringi oleh kapal tentera laut.

* **Sikap Kerajaan.** Kerajaan yang cekap, pintar dan berazam tinggi adalah sebagai faktor penting untuk mengekalkan kuasa maritim negara mereka. Sampai-sampai itu mengeksplorasikan kecekapan semula jadi rakyat terhadap perlautan. Kerajaan perlu memupuk minat dan kecenderungan masyarakat kepada laut. Britain pada zaman keunggulannya memang telah menumpukan segala kebolehan dan tenaganya untuk

mengekalkan kuasa maritimnya. Pada masa itu Perancis juga mempunyai cita-cita yang sama. Namun demikian rakyatnya tidak mempunyai kecenderungan semula jadi kepada laut. Ini telah mengikat perdagangan luar negara, dan tumpuan hanya kepada negara-negara sempadan dan 'inland trade' sahaja. Masyarakatnya minat kepada bercucuk tanam atas dasar tanah yang luas, manakala tanah jajahan yang ada pula tidaklah subur. Ini telah mengurangkan pendapatan negara dan seterusnya tidak dapat mengembangkan kuasa maritimnya

PENGGUNAAN KUASA MARITIM


Penonjolan konsep, doktrin, kejayaan dan kegagalan.

Contoh yang terbaik untuk menonjolkan keperluan di atas adalah semasa perang dunia kedua. Tumpuan diberi kepada strategi kuasa maritim Amerika Syarikat. Sebelum perang dunia kedua Amerika Syarikat telah merancang merangkumi kontijensi menyeluruh (termasuklah kemungkinan menentang Britain). Jika berlaku perang dunia kedua, keutamaan diberi kepada Eropah dan kedua di kawasan Pasifik. Ini disebabkan Amerika Syarikat beranggapan kemenangan Jerman di Eropah adalah mutlak dan sukar ditentangi. Sebaliknya kemenangan Jepun di Pasifik agak mudah dikuasai semula. Apabila mulanya perang dunia kedua, jelas perancangan Amerika Syarikat adalah tepat. Ini bukan kerana kelemahan Jepun ketara tetapi kekuatan dan kebolehan kuasa maritim Amerika Syarikat adalah terlalu utuh. Pada tahun 1942 dan 1943 Amerika Syarikat mampu membina sebuah 'Destroyer' setiap tiga hari. Ini tidak

termasuk pembinaan kapal dagangan yang pantas sehingga boleh menyiapkan seberat 16.4 million ton dalam masa setahun. Di akhir perang teknologi perkapalan Amerika Syarikat adalah sungguh menakjubkan yang mana limbungan-limbungannya mampu membina 'aircraft carriers' sebanyak 25 buah semasa awal dan akhir perang.

Kekuatan inilah telah mempertingkatkan kuasa maritim Amerika Syarikat menjadi yang terulung sehingga tentara laut Britain dapat dikerdilkannya dan berakhirlah penguasaan Britain sejak 250 tahun yang lalu. Perang maritim di lautan Pasifik dapat dilihat sebagai 'great carrier engagements' seperti yang berlaku di Coral Sea dan Midway pada tahun 1942 dan perairan Filipina dan Teluk Leyte pada tahun 1944¹³. Pertempuran-pertempuran maritim di atas telah memperlihatkan kegagahan dan kehandalan tentara laut Amerika Syarikat memusnah dan melemahkan kuasa maritim tentara Jepun. Tidak boleh disangkal bahawa di Pearl Harbour telah melumpuhkan Amerika Syarikat buat seketika namun selepas itu kekuatan mereka terus menonjol dan berkembang. Di sini bermulalah perangkapal selam (submarine warfare) tanpa batasan yang telah banyak memusnahkan kapal-kapal laut dan perdagangan Jepun. Terutama sekali Amerika Syarikat telah berjaya di dalam kempen ini untuk melakukan 'economic blockade' yang telah melemahkan kuasa tentera Jepun di Pasifik. Sebelum ledakan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun telah mengalami 90 peratus kemasuhan kapal dagangannya dan telah memincangkannya dari segi ekonomi, perindustrian dan kewangan. Seperti British, Jepun juga mengharapkan pembangunan dan kesejahteraan negaranya melalui laluan laut. Apabila 'blockade' dilakukan terhadapnya jelas

memperlihatkan bahawa kekuatannya selain daripada nilai komersil, ketenteraannya juga telah lumpuh dan pincang. Apa yang menarik strategi kuasa maritim Amerika Syarikat di sini adalah kekuatan kapal selamnya yang tidak tertanding ketuhanya oleh Jepun. Mengikut perangkaan, 57 % kapal perangnya dimusnahkan melalui kekuatan kapal selam Amerika Syarikat. Jelas juga di sini bahawa strategi 'blockade' Amerika Syarikat terhadap Jepun adalah satu contoh perang ekonomi yang 'decisive'.



US Navy in action

Semasa perang tentera laut Amerika Syarikat telah menggunakan kapal selamnya dengan konsep mencari dan menjejak seperti yang dilakukan oleh tentera laut Jerman dengan begitu berkesan. Jepun juga mempunyai konsep yang sama, namun demikian menyedari kekuatan kapal selam musuh dari segi kuantiti dan kualiti yang efektif, telah mengubah corak operasinya kepada menunggu dan memilih sasaran penting atau yang tertentu. Walau pun kejayaan diperolehi melalui konsep ini, seperti menengelami kapal laut 'Yorktown' di Midway, namun kebolehannya untuk mengimbangi kuasa maritim Amerika Syarikat amat sukar.

Sebaliknya konsep yang digunakan telah 'memakan diri sendiri', yang mana hampir semua kapal selamnya telah musnah kerana tidak mampu menandingi kekuatan maritim yang berteknologi tinggi.

Peperangan dunia kedua telah menunjukan bahawa kuasa maritim Amerika Syarikat adalah ketara. Amerika Syarikat telah menguasai laluan laut dari Elbe hingga ke Vladivostok. Semua laluan kapal perdagangan dan kapal perang mesti mendapat kebenaran daripadanya. Kuasa maritim Amerika Syarikat terlalu kuat pada masa itu sehinggakan tentera laut British yang terkuat pada satu ketika telah mengharap bantuan daripadanya. Maka berakhirlah 'Pax Britannica'¹⁴ dan kuasa maritim diambil alih oleh Amerika Syarikat.

Kuasa maritim ini dapat dijadikan sebagai senjata diplomasi yang mampu menonjolkan kepentingan, pengaruh dan kehendak negara. Ianya mampu dijadikan kuasa menekan negara lain tanpa perlu diperang. Umumnya kuasa maritim konvensional ini dapat pula dilihat semasa peperangan Korea pada tahun 1950 walaupun semasa itu era nuklear telah hangat diperkatakan. Semasa peperangan Korea sekali lagi dapat dilihat keunggulan kuasa maritim. Pertahanan tentera bersekutu di Pusan dapat dikekalkan daripada kemaraan tentera komunis Korea Utara atas bantuan kuasa maritim Amerika Syarikat terutama daripada 'naval gunfire'. Ianya tidaklah begitu ketara jika dibandingkan dengan '**the sheer audacity and inspired brilliance of the Inchon landing**'¹⁵ pada tahun 1950. Pendaratan ini tidak akan berjaya jika kuasa maritim Amerika Syarikat lemah. Ianya telah menunjukkan betapa efektifnya kuasa tentera laut di dalam sesuatu kempen. Semasa peperangan Korea, tentera laut bukan sahaja digunakan untuk

pendaratan tentera marine dan darat, namun ianya juga telah memberi bantuan tembakan di dalam operasi darat. Ianya juga telah dapat membantu (walau pun tidak penting dari segi tektik) menyelamatkan juru-juruterbang yang pesawat mereka ditembak jatuh, meronda di persisiran pantai, membekal logistik peperangan dan mentadbirkan anggota cedera. Tidak dapat disangkal betapa pentingnya kuasa maritim di dalam kempen terhad.

Contoh-contoh lain yang dapat menonjolkan kuasa maritim Amerika Syarikat adalah seperti di Vietnam di mana tentera laut dapat membantu operasi tentera darat walau pun keberkesanannya disangkal oleh Luttwak¹⁶. Semasa 'Cuban missiles crisis' dalam tahun 1962 sekali lagi Amerika Syarikat dapat menguasai keadaan dengan kuasa maritimnya. Amerika Syarikat telah dapat melakukan '**imposition of quarantine**'¹⁷ terhadap Cuba yang telah memaksa Unisoviet (pada masa itu) tunduk kepada keperluan Amerika Syarikat tanpa mencetuskan peperangan terhad. Selain dari itu contoh yang terbaru penglibatan Amerika Syarikat adalah peperangan '**desert storm**' di Teluk Parsi. Kuasa maritim bukan sahaja memberi bantuan tembakan, ianya juga telah memberi



operasi perdayaan yang telah dapat mengukur-kacirkan perancangan Sadam Hussein.

Selain daripada kuasa maritim Amerika Syarikat yang telah dapat menonjolkan kejayaan konsep dan doktrinnya, tentera laut British juga walaupun '**subservient**' kepada Amerika Syarikat tidak kurang hebatnya di era sejarah masa ini. Ini telah dapat dibuktikan semasa kempen mengambil semula kepulauan Falklands daripada Argentina. Kempen Falklands ini telah memperlihatkan contoh yang terbaik bagaimana kuasa maritim dapat '**singlehandedly out-beat the enemy force**'. Namun begitu ianya tidaklah dikuasai sepenuhnya oleh tentera laut. Keperluan tentera darat yang melibatkan diri seperti Royal Guards, Gurkhas, pasukan payung terjun dan pasukan gerak khas juga adalah penting di dalam kempen ini. Apa yang penting di sini, mereka tidak mampu digerakkan sejauh 8000 batu tanpa bantuan tentera laut. Kuasa maritim British telah mengambil semula kepulauan Falklands ini yang telah memakan masa hanya selama 41 hari¹⁸.

PENUTUP

Secara khususnya kuasa maritim adalah kuasa tentera laut dan suatu kuasa yang tidak ada noktahnya. Perkembangan teknologi canggih telah memperlihatkan berbagai peningkatan terhadapnya. Nilai kuasa itu dapat diukur daripada kemampuannya membantu keselamatan perdagangan, menunjukkan kuasa di lautan dan bertindak jika perlu demi kepentingan politik negara. Namun demikian kuasa maritim sahaja tidak menjanjikan kejayaan tentera untuk membantu negara di dalam penguasaan politik atau pun ekonomi. Ianya perlu kerjasama dan bertempur bersama dengan perkhidmatan lain. Di masa aman pula kuasa maritim perlu mempunyai kekuatan yang boleh menguasai di dalam segala rundingan. Namun demikian, mengikut pandangan *Kearsley*, pengkajian kepada kuasa maritim di era terkini tidak boleh

lagi didominasi oleh beberapa negara kuasa besar sahaja. Keselamatan dan kebebasan penggunaan laut adalah hak bersama¹⁹.

Nota

¹ Petikan diambil daripada artikel oleh Thomas R. Pollock, "The Historical Elements of Mahanian Doctrine", *Naval War College Review*, Jul - Aug, 1982, ms.44.

² Ibid

³ Ianya ada kaitan dengan sistem pembawa senjata nuklear boleh dilancar daripada bumi, pesawat udara dan laut yang menggunakan kapal selam.

⁴ Geoffrey Till, *Maritime Strategy and The Nuclear Age*, The Macmillan Press Ltd., London, 1982, ms. 31.

⁵ Ned Willmott, *Strategy, Tactics of Sea Power Warfare*, Charwell Books Inc., USA., 1979, ms. 4.

⁶ Edward Mead Earle, Ed, *Makers of Modern Strategy, Military Thought from Machiavelli to Hitler*, Princeton University Press, Princeton, N.J., 1973. ms. 419-421.

⁷ Herbert Richmond, Admiral Sir, *Sea power in the Modern World*, Arno Press, New York Times Co., New York, 1972 ms. 55.

⁸ Op. Cit. Geoffrey Till, ms. 14 - 15.

⁹ Harold John Kearsley, *Rethinking Maritime Power Theory, Comparative Strategy*, Vol 11, 1992, ms. 195.

¹⁰ Op. Cit, Herbert Richmond, ms. 107 -129.

¹¹ Ken Booth, *Navies and Foreign Policy*, Holmes & Meier Publishers, Inc., New York, 1979, ms. 16.

¹² Untuk mendapat maklumat lanjut sila rujuk kepada M.A. Morris, *Expansion of Third World Navies*, Macmillan, London, 1987 dan E. Grove, *The Future of Sea Power*, Routledge, London, 1990.

¹³ Op. Cit., Ned Willmott, ms. 51.

¹⁴ Ibid., ms. 62.

¹⁵ Ibid., ms. 63.

¹⁶ Untuk mendapatkan komen yang lebih terperinci sila baca Edward N. Luttwak, *The Pentagon and The Art of War*, Simon and Schuster Publication, New York, 1985.


¹⁷ Op. Cit., Ned Willmott, ms 63.

¹⁸ Fred Haynes, *The Falklands: A Victory for Sea Power*, Sea Power, 15 April, 1983, ms. 92 - 94.


¹⁹ Op. Cit., Kearsley, ms. 209.

Rajah 1

SEAPOWER: SOURCES AND ELEMENT
 (Admiral Richmond / Roskill)




CONSTITUENTS OF A MARITIME STRATEGY
 (Professor Geoffrey Till)



Rajah 2

Rethinking Maritime Power Theory
(Harold John Kearsley)





Lt Kol Naharuddin bin Shaari ditauliahkan ke Rejimen Renjer DiRaja pada 25 Apr 1974. Telah menghadiri Maktab Turus Angkatan Tentera pada tahun 1989. Memperolehi Diploma Pengajian Strategi dan Keselamatan pada tahun 1986/87 dan Diploma Lanjutan Pengajian Strategi dan Keselamatan pada tahun 1994/95 di UKM, Bangi. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Staf dan Jurulatih di PULADA dan Maktab Tentera DiRaja serta sebagai PS 2 Latih di MPL & DTD. Kini menjawat sebagai pemerintah 5 RRD.



"Whosoever commands the sea, commands the trade: whosoever commands the trade of the world, commands the riches of the world itself".

Sir Walter Raleigh

KONSEP ZERO DEFECT (ZD) DAN TQM: BUDAYA BARU WOKSYOP JLJ

Lt Kol Salih bin Abd Rahim

KONSEP ZERO DEFECT (ZD)

Istilah ZD bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan sehingga mencapai dengan betul pada kali pertama. Di antara lain ZD juga bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan sehingga mencapai satu tahap yang telah dipersetujui. Selain dari itu, ZD adalah hasil daripada perancangan dan penilaian yang dilakukan secara terperinci dan dikawal pada sebilang masa. Program ZD akan hanya dapat dicapai sekiranya sesuatu organisasi mempraktikkannya secara keseluruhan. Pihak pengurusan mestilah membuat deklarasi secara terbuka supaya setiap pekerja tahu tentang matlamat kualiti yang ingin dicapai. Konsep ini juga mengutarakan hasil pengeluaran yang sepatutnya bebas dari kecacatan semasa dibuat pengilangan sehingga ke tahap 'final product'.

Di dalam konsep ini, setiap pekerja mestilah peka tentang kedudukan dan peranan mereka untuk mencapai ZD. Pekerja-pekerja mestilah diberi peralatan/fasilitas, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang secukupnya supaya langkah-langkah atau strategi untuk pencegahan dari berlakunya sesuatu kecacatan dapat dilaksanakan. Di sebaliknya pula, pihak pengurusan dikehendaki sentiasa mencari, mengenalpasti dan seterusnya menyiapkan sesuatu proses ke tahap piawaian yang boleh dicapai. Ini adalah kerana pekerja-pekerja

mempunyai naluri untuk mengambil jalan mudah terhadap sesuatu proses sekiranya piawaian tidak diberi.

Selain dari itu, konsep ini membentangkan kepuasan pihak pengguna adalah segala-galanya. Segala keperluan dan kehendak pengguna mestilah diutamakan bak kata perpatih 'The Customer Is King'.

KONSEP PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH (TQM)

Secara ringkasnya konsep TQM menekankan tujuan keperluan asas seperti berikut:

- * Definisi keperluan kualiti dan produktiviti oleh pihak atasaran.
- * Polisi dan proses sentiasa dibaiki dan dipertingkatkan.
- * Keputusan bergantung kepada data dan fakta.
- * Pembekal dan pelanggan sebagai 'Partner'.
- * Pekerja-pekerja sentiasa membaiki proses.

- * Perancangan sentiasa dibaiki dan digabungkan bersama perancangan strateji dan korporat.
- * Peningkatan terus-menerus adalah dianggap sebagai disiplin individu.

KUALITI DAN KEPUASAN PENGGUNA

Institut - Kualiti Persekutuan USA, telah mentakrifkan KUALITI sebagai satu tindakan untuk memenuhi keperluan pengguna pada sebilangan masa manakala Patrick L Townsend (seorang ahli falsafah) di dalam bukunya 'Comment To Quality' menjelaskan kualiti seperti berikut:

- 'Doing the right thing'
- 'Doing it the right way'
- 'Doing it right the first time'
- 'Doing it on time'
- 'Delivering the right product'
- 'Satisfying customer's needs'
- 'Meeting the customer's expectations'
- 'Treating every customer with integrity, courtesy and respect'

Dari definisi di atas adalah terserlah bahawa aspek kepuasan pengguna serta aspek masa (tempoh) adalah dua faktor penting untuk menjamin peningkatan kualiti mengikut konsep

ZD. Tegasnya, untuk memendekkan masa, pelaksanaan kawalan kualiti berkehendakkan sistem dan proses pembaikian sentiasa disemakkaji.

Di dalam usaha untuk mendapatkan kemajuan di dalam aspek kualiti, eloklah kita tumpukan perhatian kepada kepuasan pengguna. Anggapan bahawa pihak pengguna sentiasa betul mestilah diterima pada hakikatnya sebelum konsep ZD dikehendaki. Pendek kata pengguna bolehlah disifat sebagai 'Driving Force' kepada implementasi konsep ZD.

Di dalam aspek kepuasan, pengguna-pengguna (pelanggan) kepada Woksyop-Woksyop JLJ terdiri dari pasukan-pasukan di bawah naungan formasi yang menggunakan woksyop-woksyop sebagai ajensi pemberian. Pasukan-pasukan akan berpuas hati sekiranya peralatan rosak yang dihantar dipulihkan dengan secepatnya dan kualiti pemberian peralatan tersebut dijamin tidak akan berlaku kerosakan lagi. Di dalam aspek ini, pihak woksyop mestilah mempamirkan satu reaksi yang melebihi tanggapan pelanggan.

Selain dari itu, peralatan yang rosak hendaklah dikurangkan supaya, pasukan-pasukan tidak payah lagi menunggu sebeginu lama untuk mendapatkan peralatan mereka semula. Usaha-usaha gigih untuk memendekkan tempoh kerosakan itu mestilah dilakukan tanpa mencemari kualiti pemberianannya.

PENYESUAIAN KONSEP ZD DENGAN KEADAAN SEMASA

Sebagaimana yang telah dijelaskan, konsep ini antara lain menekankan aspek kawalan kualiti kerja, kualiti proses, produk dan 'after sale

service' pada sebilang masa. Hasrat utama yang ingin dicapai oleh konsep ini ialah untuk memberi kepuasan kepada pihak pengguna sepantasnya yang boleh. Penekanan hendaklah diberi berdasarkan meninggikan mutu kerja harian mengikut piawaian-piawaian yang telah dicipta. Oleh yang demikian, bagaimanakah konsep ini dapat sesuaikan dalam Woksyop-Woksyop pada keadaan semasa?

Sebelum konsep ini dapat diimplementasikan, budaya setiap anggota di Woksyop-Woksyop mestilah diperkemaskan terlebih dahulu. Budaya adalah satu kepercayaan nilai dan sikap yang mempunyai kaitan dengan persepsi dan pelaksanaan tindakan oleh individu dalam sesuatu woksyop. Untuk memperkemaskan budaya yang positif tersebut di peringkat woksyop, tentu akan mengambil masa dan memerlukan usaha yang agak tinggi. Sebelum melaksanakan kesedaran untuk meninggikan tahap kualiti mengikut konsep ZD, beberapa tindakan dan persiapan harus dibuat oleh pihak pengurusan woksyop itu sendiri. Di antaranya ialah seperti berikut:

- * Pihak pengurusan hendaklah menjalankan kempen untuk menyedarkan setiap individu tentang mustahaknya aspek kualiti dan konsep ZD. Pelaksanaan ini boleh dilakukan secara membuat ceramah, latihan, kursus dan sebagainya supaya setiap individu akur dengan hasil konsep tersebut.
- * Seterusnya, kebudayaan yang pudar haruslah diperkemaskan pada sebilang masa.
- * Pihak pengurusan hendaklah mengkaji dan membentangkan definisi

kualiti yang ingin dicapai serta kenyataan misi untuk setiap cawangan di woksyop-woksyop. Strategi pelaksanaan dan pengawalan harus dititikberatkan.

PELAKSANAAN KONSEP ZD DI WOKSYOP

Selaras dengan pelaksanaan ZD di pringkat TD dan Kor, setiap woksyop perlu meningkatkan tahap produktiviti dan kualiti di woksyop supaya matlamat kepuasan pengguna dapat ditingkatkan dan Mean Down Time dikurangkan. Ini dapat dicapai dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- * Memperkuuhkan tatacara pemeriksaan masuk dan keluar peralatan dengan mengadakan 'inspection standard' secara terperinci untuk setiap peralatan dan kenderaan yang bakal masuk atau keluar dari woksyop. Di dalam tindakan mengadakan 'inspection standard' tersebut, penumpuan kepada penggunaan alat pemeriksaan dan 'advanced inspection facilities' haruslah dikaji.
- * Mengguna dan menganalisis 'repair standard' merangkumi semua jenis pembaikan yang akan dikendalikan serta membuat kajian ke atas penggunaan alat perenggu khas dan fasilitas yang termoden, untuk mencapai 'standard' yang dikehendaki.
- * Mengkaji, meramal dan merancang keperluan-keperluan bahan, alatganti dan fasilitas yang kritikal yang boleh menimbulkan 'sindrom menunggu'.

Pengendalian konsep ZD kepada sistem yang ada sekarang akan memakan masa. Oleh

yang demikian cara untuk mengimplementasikan konsep ini haruslah dibuat secara berperingkat-peringkat seperti berikut:

- * **Peringkat Satu.** Melancarkan kempen-kefahaman dan memberi kesedaran tentang mustahaknya peningkatan produktiviti dan kualiti supaya setiap anggota akur tentang kesahihannya tanpa sebarang keraguan.
- * **Peringkat Kedua.** Memperkemaskan budaya etika kerja di kalangan individu dengan merancangkan kaedah-kaedah yang boleh dan mampu dilaksanakan oleh woksyop.
- * **Peringkat Ketiga.** Menubuhkan tim-tim projek untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti. Sebelum itu, usaha-usaha untuk mengenalpastikan proses-proses yang mempunyai pengurusan atasan. Ini diikuti oleh pemilihan satu kali proses.
- * **Peringkat Keempat.** Setelah keputusan kajian diperingkat ketiga diperolehi, tindakan untuk melaksanakan

keputusan tersebut mestilah diusahakan. Semasa implementasi, usaha-usaha untuk mendapatkan dan mengkaji hasil dan kawalan mestilah dilakukan pada sebilang masa.

Pengendalian konsep ini selain dari memakan masa yang lama akan juga melibatkan kos pengendalian. Perancangan oleh Ketua Woksyop untuk mendedahkan konsep ini haruslah dibuat dan disokong oleh pihak atasan dari semua aspek termasuklah aspek kewangan.

Di dalam peninjauan teori ZD, adalah diperhatikan bahawa kejayaan untuk mengimplementasikan bergantung kepada semua peringkat iaitu dari Markas Formasi sehingga kepada individu-individu di woksyop. Pelaksanaan juga telah dirumuskan secara berperingkat-peringkat dengan memberi keutamaan untuk mencapai dua matlamat iaitu:

- * Menjaminkan kepuasan pengguna.
- * Mengurangkan 'Mean Down Time'.



Lt Kol Salih bin Abd Rahim was commissioned from RMA Sandhurst into the EME Corp in August 1975. Attended MTAT in 1991 and hold a Diploma in Electrical Communication from UTM. He has held various command and staff appointments in the EME Corp and Ministry of Defence. Currently he is the Head of Promotion Examination Department at Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat

AN EFFECTIVE TRAINING DEVELOPMENT OFFICER -A CONTEMPORARY VIEW

Mej A. Endry Nixon

"Training management involves time, people, equipment, facilities, money and the wisdom to determine what training needs to be done. Since most of these factors are in a constant state of change and since the results are not easy to quantify, training is a difficult program to manage. But it is manageable if enough thought is given to it, and if it is not neglected. Inadequate training most often results from poor training management".

INTRODUCTION

Management of training in a unit is of utmost importance, especially in time of peace because it develops and sustains the state of readiness to defend the country's sovereignty from any forms of threat. Although the South - East Asian region has developed various defence pacts amongst its defence forces, one should be ready to meet any eventualities. Heading towards vision 2020, the Armed Forces is expected to be a balanced, effective and a credible force.

In line with this, the Army has also its vision, Army 2000. In the words of our Chief of Army, the Army will be more versatile, able to operate in a variety of environment, more lethal, reminder to would-be aggressors the heavy price of aggression. In order to meet this vision, training must be developed to enhance the competency of combat forces.

Combat operations have slowly transformed from counter insurgency to conventional warfare, with the emphasis now on playing a more significant role to maintaining world

peace under the United Nation's flag. With this in mind, combat units must constantly keep abreast with current concept of operations. In future, soldiers are expected to be more versatile and perform multi-role functions. They must be trained to operate as a team, complementing one another in their tasks. Here is where a Training Development Officer (TDO) in a unit would play an important role to advise and assist his Commander to design and develop training to meet current and future requirements.

TRAINING SYSTEM

A TDO should utilize the Malaysian Army Training System (MATS) as a training management tool to develop training programmes in accordance to the needs. The MATS is a set of procedures designed to ensure that training is conducted effectively and efficiently. The System is applicable to all army requirements, both individual and collective. MATS consists of five phases which are inter dependent, emphasizes on results and has the ability to adjust to changes. The MATS model is as shown in Appendix A.

FUNCTION

A TDO is expected to continually seek new ideas and better ways on how to develop training to meet the Army's objectives and on measuring the success of training programmes. He has an important task to assist his organisation and its members to overcome the resistance to any change and change them to accept and support the changes willingly.

A Training Development cell in the unit does not necessarily have to restrict itself in the development of training for its soldiers but also the whole organisation and its sub-departments. Therefore, comparing the tasks of a training development cell to the world of management, the title "Training Development" is slowly being linked to titles such as Organisation Development or Human Resource Development. A TDO must have a vision of what is expected in the future, in line with the army's objectives and formulate training in that direction. He must take into consideration the following aspects prior to the designing of training in his unit:

- * The objective of his organisation in relation to the Army's needs.
- * The requirements of his superior.
- * The training resources available.
- * The logistics and administrative requirements.

Bearing in mind that training is not always the panacea to poor performance, there's no point in training a soldier to perform something that he already knows. Again, a TDO must be able to analyse the root cause of a particular problem and take corrective measures. Having said this, a TDO must be able to play various roles and constantly look for innovative measures to keep

training interesting. There are many variations in the roles of a TDO. Over the years, a TDO has often engaged himself as a course instructor or a facilitator in a unit. In today's era of rapid change, the roles of a TDO have become more challenging in order to assist his organisation to meet the vision, Army 2000.

ROLES


In view of the army's vision, the roles of a TDO have expanded in order to meet the Micro and Macro training needs. It has developed into areas such as:

Strategic Advisor. Although the strategic training policies are formulated at higher command, a TDO must be able to advise his commander in formulating training missions and its objectives for that year and the next at least. These should be based on the training policies obtained. By doing so, the continuity of the training plan could be adhered to although commanders change.

Organisation Designer and Developer. This involves designing and developing training strategies for implementation. A TDO may combine various forms of training such as incorporating "Fire and Manoeuvre" techniques in the shooting range prior to live-firing exercise. The design of training must be directed towards the most effective and flexible use of training resources which will lead to an enhancement of competency. It should create commitments among the members of a unit. The developed plans and actions must be mutually reinforced to have maximum impact on the organisational performance and development.

Performance Consultant. This role means facilitating the development and implementation of training strategies. It requires constant persuance of objectives and visions set

APPENDIX A



while looking into immediate feedback on what is working and what is not working. The role also involves validating the programmes implemented and their results. The validation methods must be improved constantly in order to obtain true results. If weaknesses are identified, corrective measures must be taken to improve the training strategy.

Learning Programmer. In this role, a TDO must identify learning needs, design and develop structured learning programmes for self-study, group-study or workshops. The programme must be tailored to assist and accelerate learning for individuals and groups instead of waiting for prime-time. These programmes should be made available all year round so that the organisation's sub-departments may utilize them whenever they can. The MATS should be used as a training tool to develop such programmes.

Instructor/Facilitator. This role can be conducted with the assistance of other competent members in the organisation. This may lead from structured learning methods to facilitating group discussions. The concept of being authoritative must be changed towards a more inverted training method where members of the group take responsibility in educating themselves and others.

CONCLUSION

Management of training is a never ending process as it is a cycle by itself. The functions of a TDO is an endless succession of formulating training strategies, objective designing and developing, receiving feedback and response. With the roles discussed earlier, a TDO should constantly look for ways and means to improve training and meeting the training policies formulated by the higher command. He should be an adviser to his Commanding Officer on the use of MATS to develop training so that the organisation can keep abreast with the current doctrine and meet the future requirements.

Bibliography:

1. Asian Defence Diplomacy. 1995. Volume 1 No. 6 special issue. ADPR consult (M) Sdn. Bhd.
2. Collin, A. 1987. Common Sense Training. Presidio Press.
3. Laird, D. 1985. Approaches to Training Development. Addison - Wesley Publishing Company Inc.
4. Nadler, L. 1988. Designing Training Programs. Addison - Wesley Publishing Company Inc.
5. Training, Malaysian Army Training System, Army Code T 3031.
6. Training and Development Magazine. January issue 1996.



Mej A. Endry Nixon was commissioned into the Royal Renjer Corps in May 1980. Graduated from the Armed Forces Staff College in 1994. He has served in various appointments namely as Officer Commanding of Dog Wing of PULADA. Presently Mej A. Endry Nixon is an instructor in LATEDA.

PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN ATM DESA TUN HUSSEIN ONN KUALA LUMPUR

Mej Ir Chapiti Hj Redzwan

SINOPSIS

Keperluan perumahan di dalam negara yang mengutamakan penerapan nilai-nilai penyayang dan toleransi adalah satu keperluan hakiki yang diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan, lebih-lebih lagi di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Berdasarkan kepada faktor-faktor keselamatan, keselesaan dan juga pentadbiran, peruntukan perumahan bagi keluarga anggota-anggota ATM di beri keutamaan dengan matlamat pencapaian 80% pada tahun 2000. Daripada tiga proses perolehan, iaitu pembinaan, pembelian dan penswastaan, perolehan melalui pembinaan dianggap paling sesuai kerana terdapat faktor kawalan di dalam konsep dan spesifikasinya. Projek Perumahan Desa Tun Hussien Onn adalah projek pembinaan terbesar yang pernah dikendalikan oleh Jabatanarah Perumahan dan Pembinaan. Pengurusannya telah memberi pengalaman kepada pegawai, anggota dan kakitangan yang terlibat dan boleh dijadikan rujukan untuk memperbaiki kelemahan di dalam usaha meningkatkan kualiti dan profesionalisme.

PENDAHULUAN

DEFINASI PENGURUSAN PROJEK

"Pengurusan projek bolehlah didefinisikan sebagai keseluruhan perancangan dan kawalan serta koodinasi sesuatu projek bermula dari peringkat konsepsi sehingga ke penyiapan projek tersebut. Ianya menepati tujuan pelanggan berdasarkan keperluannya dan juga memastikan ia disiapkan mengikut masa dan kos yang telah dinyatakan tanpa sese kali mengabaikan mutu dan kualitinya".

-"Chartered Institute of Building" (C.I.O.B (U.K))

Perumahan merupakan keperluan asas yang paling utama dalam kehidupan harian setiap individu. Selain menjadi tempat berteduh daripada hujan dan panas, rumah adalah asas pembinaan sesebuah keluarga. Pada masa ini negara sedang melangkah ke arah pemodenan dengan penerapan nilai-nilai penyayang dan toleransi. Perumahan, di mana setiap keluarga akan terbentuk adalah satu keperluan hakiki yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan.

Dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), peruntukan perumahan bagi setiap anggota sama ada bujang atau berkeluarga adalah menjadi salah satu kewajipan Kerajaan. Keperluan ini disamakan dengan keperluan memperuntukkan pakaian, peralatan, latihan dan sebagainya untuk menjadikan seseorang anggota dan kumpulannya berfungsi

sebagai anggota tentera. Seperti berek dan wisma yang disediakan bagi anggota-anggota bujang, rumah keluarga juga perlu disediakan untuk anggota-anggota yang telah berumah tangga.

Pada masa ini anggota-anggota yang berkeluarga dan tidak diperuntukkan rumah keluarga diberi elauan sewa rumah untuk menyewa di kawasan persekitaran tempat bekerja. Bagaimanapun kaedah ini banyak menimbulkan masalah bukan sahaja kepada organisasi tetapi juga kepada anggota individu sendiri. Ini melibatkan masalah-masalah seperti keselamatan, keselesaan dan juga masalah pentadbiran. Dengan kadar kehidupan yang semakin meningkat dewasa ini, anggota terpaksa menyewa rumah-rumah yang kurang selesa dan jauh daripada tempat bekerja.

Peruntukan perumahan dari segi bilangan dan kelas adalah berdasarkan kepada Jadual Perumahan Angkatan Tentera yang digubal oleh Jawatankuasa Perumahan Angkatan Tentera. Mengikut keperluan masa kini jumlah rumah keluarga pelbagai kelas yang diperlukan adalah berjumlah 75,000. Daripada jumlah ini sebanyak 43,368 iaitu 57.8% telah disediakan sementara 2,118 lagi dalam peringkat perolehan. Matlamat perumahan yang ingin dicapai sehingga tahun 2000 adalah 59,108.

Jabatanarah Perumahan dan Pembinaan (JP & P), Bahagian Logistik Pertahanan, Markas ATM adalah badan teknikal yang bertanggungjawab ke atas semua aspek penyediaan perumahan Angkatan Tentera. Dalam aspek perolehan perumahan, terdapat tiga cara yang dipraktikkan iaitu dengan cara pembinaan, pembelian dan sejak akhir-akhir ini melalui penswastaan. Proses perolehan melalui penswastaan baru sahaja diperkenalkan oleh Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dalam menangani keperluan perumahan dalam ATM. Perolehan perumahan

melalui penswastaan ini adalah dengan cara ‘trade-off’ aset tanah yang terletak di kawasan yang berharga dan bernilai komersil dimanfaatkan untuk pembinaan Rumah Keluarga di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti keperluannya. Sehingga kini beberapa projek perumahan telah dilaksanakan melalui penswastaan yang dikelolakan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) seperti projek perumahan di Bukit Gedung dan Teluk Air Tawar, Pulau Pinang.

Perolehan perumahan melalui pembinaan adalah pilihan yang paling sesuai dipraktikkan kerana projek berkenaan boleh dirancang konsep dan spesifikasinya. Agensi pelaksanaan yang terlibat juga dapat mengawal secara menyeluruh projek dari peringkat perancangan, rekabentuk, peruntukan kewangan serta tempoh membaiki kecacatan. Perolehan secara pembelian kebiasaannya tidak dapat memenuhi sepenuhnya keperluan yang dihajatkan terutamanya yang melibatkan lokasi, susunatur, spesifikasi dan kualiti pembinaan. Penglibatan JP & P di dalam projek-projek pembelian dan penswastaan secara umumnya adalah tertumpu kepada aspek penilaian teknikal, rundingan kontrak, pemerhatian pelaksanaan dan penyelenggaraannya apabila projek disiapkan. Oleh kerana penglibatan JP & P lebih menyeluruh, perolehan perumahan secara pembinaan adalah yang terbaik. Projek perumahan yang terbesar pernah dikendalikan oleh JP & P sejak ianya ditubuhkan ialah Projek Perumahan Desa Tun Hussein Onn.

PROJEK PERUMAHAN DESA TUN HUSSEIN ONN

LATAR BELAKANG

Projek Perumahan Desa Tun Hussein Onn (DTHO) adalah suatu projek perumahan untuk

anggota-anggota berkeluarga Tentera Darat. Projek ini melibatkan pembinaan 2022 unit rumah keluarga pelbagai kelas dan dilengkapi dengan infrastruktur tersendiri serta kemudahan-kemudahan guna sama termasuk sekolah dan masjid. Projek yang dibina di atas tanah seluas 65 hektar berhampiran dengan KEMENTAH ini telah diberi peruntukan awal oleh Kerajaan sebanyak RM 180 juta. Projek ini telah dilancarkan oleh YB Menteri Pertahanan pada Jun 89 dan dijangka siap pada penghujung tahun 96.

Perancangan pelan tapak dan tataatur bangunan projek perumahan ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan diselaraskan sama dengan pelan induk pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur. Sejajar dengan pembangunan perumahan DTHO ini, suatu rangkaian jalan pekeliling akan dibina di sekeliling kawasan projek. Di samping itu cadangan laluan 'Light Rail Transit' (LRT) juga akan melalui di sempadan bahagian timur projek ini menghala ke kawasan Bandar Baru Wangsa Maju.

Keseluruhan pembinaan projek ini dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa kerja infrastruktur dan fasa kerja binaan bangunan. Kerja-kerja infrastruktur melibatkan pembinaan jalan raya, sistem perparitan, sistem kumbahan, bekalan air dan bekalan elektrik. Kerja-kerja bangunan pula melibatkan pembinaan rumah keluarga, dewan serbaguna, pasar, sekolah, masjid, kedai dan gerai.

KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR

Jalan Raya dan Sistem Perparitan. Sistem jalan raya dan perparitan yang dibina di kawasan perumahan ini telah mengambil kira pembangunan kawasan yang dirancang oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Dua jalan

masuk telah dibina untuk menyambungkan DTHO dengan Taman Setiawangsa di Timur dan DTHO dengan Seksyen 10 Wangsa Maju di bahagian Utara. Mengikut perancangan awal dua jalan utama dirancang untuk menyambungkan DTHO dengan KEMENTAH. Bagaimanapun hanya satu jalan sahaja yang disiapkan setelah kontrak tamat kerana terdapat masalah pemindahan setinggan yang berada di jajaran jalan.

Sistem Bekalan Air. Keseluruhan kompleks DTHO mempunyai sistem bekalan airnya yang tersendiri. Sebuah tangki yang boleh memuatkan simpanan air sebanyak 600,000 gelen telah dibina. Pembinaan ini termasuk tangki sedutan bermuatan 200,000 gelen berserta rumah pamnya sekali. Rekabentuk sistem bekalan air ini membolehkan sistem pengagihan air terus disalurkan ke bangunan-bangunan tanpa memerlukan pam sedutan.

Sistem Kumbahan. Pada peringkat awal, sistem kumbahan yang dirancangkan adalah diselaraskan dengan sistem kumbahan DBKL yang sedang di dalam pembinaan (Sungai Bunus Main Trunk Sewer). Bagaimana pun projek sistem kumbahan DBKL telah terbengkalai dan tidak disiapkan. Ini telah menimbulkan masalah kerana terdapat pakej-pakej perumahan yang telah hampir siap dan memerlukan penyambungan sistem kumbahan sebelum boleh diduduki. Sebagai langkah sementara pihak tim pengawasan telah berbincang dengan pihak DBKL untuk menyambungkan sistem kumbahan dalaman ke kolam oksidasi berdekatan yang disediakan untuk kawasan perumahan Seksyen 10, Wangsa Maju. Pihak DBKL telah bersetuju dengan rancangan itu dengan syarat kolam tersebut diperbesarkan untuk menampung tambahan kapasiti pemprosesan kumbahan yang diperlukan. Projek peningkatan ini

melibatkan skop kerja pembesaran kolam dan penambahan sistem pam yang sedia ada.

Untuk menampung keperluan pemprosesan bahan buangan bagi keseluruhan kompleks DTHO, satu sistem kumbahan yang lain diperlukan. Oleh kerana keperluan ini tiada di dalam perancangan awal, lokasi yang sesuai tidak dapat menampung keperluan keluasan yang diperlukan untuk pembinaan kolam oksidasi. Satu sistem yang baru diperkenalkan telah dipilih untuk mengatasi masalah ini kerana ianya memerlukan kawasan yang lebih kecil. Sistem yang dikenali sebagai Sistem Hikleen ini telah dibina di 2 lokasi untuk memenuhi keperluan keseluruhan sistem kumbahan kompleks DTHO.

Sistem Bekalan Elektrik.

Projek infrastruktur bekalan elektrik ini melibatkan skop pembinaan pencawang, sistem kabel dan lampu jalan. Projek ini agak berlainan daripada projek-projek lain yang pernah diuruskan oleh JP & P kerana ianya melibatkan keperluan bekalan kepada bangunan-bangunan yang menggunakan lif. Terdapat 15 blok bangunan yang setiap satunya mempunyai 4 buah lif. Ini memerlukan sistem bekalan alternatif yang berbentuk penjana elektrik disel yang disediakan disetiap blok bangunan.

KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN

Rumah Keluarga Kelas 'G'. Terdapat sebanyak 1376 unit rumah keluarga kelas G telah dibina untuk anggota-anggota berpangkat Kopral dan ke bawah mengandungi dua rekabentuk yang

berlainan. 800 unit rumah adalah daripada jenis rumah pangsa 8 tingkat yang dilengkapi dengan kemudahan lif sementara yang selebihnya adalah daripada jenis rumah pangsa 5 tingkat.

Rumah Keluarga Kelas 'G'



Rumah Keluarga Kelas 'F'.

Terdapat dua jenis rumah keluarga kelas F ini yang diperuntukkan untuk anggota yang berpangkat Sarjan dan Staf Sarjan. 400 unit terdiri daripada jenis rumah pangsa 8 tingkat dengan kemudahan lif, sementara 80 unit lagi daripada jenis rumah pangsa 4 tingkat.

Rumah Keluarga Kelas 'E'. Mengikut perancangan sebanyak 168 unit rumah keluarga untuk anggota berpangkat Pegawai Waran ini akan dibina di dua tapak yang berlainan. Bagaimanapun sebanyak 160 sahaja telah dibina kerana salah satu tapak untuk satu blok yang mengandungi 8 unit telah didapati tidak sesuai. Ini adalah kerana pergerakan tanah, yang menjadi tapak bangunan ini, menyebabkan asas bangunan tidak stabil.




Rumah Keluarga Kelas 'F'

Rumah Keluarga Kelas 'C'. Hanya sebanyak 30 unit rumah keluarga untuk pegawai ini telah dibina di tapak yang berdekatan dengan rumah keluarga pegawai KEMENTAH yang telah sedia ada. Terdapat sebanyak 5 blok rumah pangsa jenis 4 tingkat dan setiap satunya mengandungi 6 unit rumah.



Rumah Keluarga Kelas 'E'



Sekolah. Dua buah sekolah telah dibina untuk kemudahan penduduk kompleks DTHO dan kawasan persekitaran. Pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah ini telah diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pembiayaannya telah ditanggung oleh Kementerian Pendidikan.

Masjid. Masjid yang diberi nama Masjid Al-Ghazali ini sedang dibina di kawasan sempadan tapak berdekatan dengan Taman Setiawangsa. Masjid yang dilengkapi dengan rumah keluarga untuk petugas masjid telah dibayai oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan dikendalikan oleh pihak JKR. Masjid ini akan memberi kemudahan tempat beribadat kepada penduduk DTHO dan juga Taman Setiawangsa.

Kemudahan Lain. Kompleks perumahan DTHO ini adalah satu-satunya kompleks perumahan Angkatan Tentera yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan guna sama untuk keselesaan penduduk. Kemudahan-kemudahan yang dirancang adalah untuk membolehkan semua

keperluan material, fizikal dan spiritual disediakan di dalam kawasan kompleks. Sebanyak RM 6.27 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan kemudahan guna sama ini. Kemudahan-kemudahan yang dirancang adalah seperti berikut:

- * **Dalam Pembinaan.**
 - * Surau.
 - * Dewan Serbaguna.
 - * Kedai, Gerai dan Pasar.
 - * Bangunan Tadika.
- * **Peringkat Perancangan.**
 - * Kedai PERNAMA.
 - * Rumah Bakat.
 - * Poliklinik.

Anggaran Perbelanjaan. Bagi menyiapkan keseluruhan projek DTHO ini, anggaran keseluruhan pembinaan ialah RM 222.0 juta.

PERANCANGAN DTHO

Bagi merealisasikan kewujudan projek DTHO, dua pendekatan telah digunakan dari aspek perancangan dan pelaksanaan, iaitu:

'In house'. Keseluruhan peringkat perancangan dan pelaksanaan dilaksanakan oleh JP & P sendiri.


Paduan Antara JP & P dan Juruperunding.

Peringkat perancangan sehingga kontrak pembinaan ditandatangani, dilaksanakan oleh Juruperunding yang dilantik, manakala pelaksanaannya dikendalikan oleh JP & P.

Sebagaimana diperjelaskan sebentar tadi, pelaksanaan projek DTHO dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu bahagian infrastruktur dan bahagian bangunan. Dengan itu urusan tender perlu dibuat agihan mengikut jenis pembinaan. Bahagian infrastruktur dibahagikan kepada 6 pakej tender yang kesemuanya menggunakan perkhidmatan juruperunding. Bahagian bangunan pula dibahagikan kepada 7 pakej tender, di mana 4 pakej menggunakan khidmat juruperunding sementara bakinya dilaksanakan sendiri oleh JP & P.

Perkhidmatan juruperunding dilantik daripada firma-firma yang berlainan untuk pakej-pakej yang berlainan. Namun demikian, jika skop kerjanya ataupun bangunannya dari kelas dan ketinggian yang sama, firma juruperunding yang sama telah dilantik. Dengan itu terdapat firma-firma juruperunding yang dilantik untuk lebih daripada satu pakej. Perkhidmatan ini hanyalah perkhidmatan pra-kontrak sahaja iaitu merangkumi perancangan hingga ke peringkat penyediaan dokumen tender. Juruperunding-juruperunding ini dilantik dari berbagai-bagai disiplin yang memenuhi semua keperluan pembinaan seperti:

- * Juruperunding Ukur Bahan.
- * Juruperunding Arkitek.



- * Juruperunding Struktur.
- * Juruperunding Elektrikal dan Mekanikal.
- * Juruperunding Kestabilan Tanah dan Alam Sekitar.

Bagi pakej-pakej yang dilaksanakan sendiri oleh JP & P, sel-sel dalaman yang berkepakaran dalam semua bidang pembinaan menyumbang secara langsung ke atas perancangan pembinaan. Sel-sel ini juga menjadi penyelaras ke atas kerja-kerja juruperunding mengikut kepakaran masing-masing. Di peringkat perancangan ini, Bahagian Pembangunan, KEMENTERAH juga terlibat dari segi penyelarasan kelulusan agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri. Penyelaras dengan pihak berkuasa tempatan seperti DBKL, Jabatan Bekalan Air (JBA), Jabatan Bomba, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Telekom Malaysia (STM) pula dilaksanakan oleh JP & P.

PROSES TENDER

Seperti yang telah dinyatakan, penyediaan dokumen tender bagi kesemua pakej dilaksanakan secara gabungan oleh JP & P dan juruperunding yang dilantik. Naskah-naskah tawaran bagi setiap pakej dimajukan kepada Bahagian Pembangunan yang diberi kuasa untuk memanggil tender. Proses di Bahagian Pembangunan ini melibatkan pemanggilan, penjualan dokumen dan penerimaan tender daripada penender-penender yang mengambil bahagian.

Penilaian penender-penender yang mengambil bahagian dilaksanakan oleh Sel Ukur Bahan, JP & P yang akan mengesyorkan penender-penender yang layak. Pemberian tender pula akan dibuat oleh Jawatankuasa Tender yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KEMENTAH. Semua proses yang telah dinyatakan sehingga kehadiran kontrak yang telah ditandatangani dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan dengan dibantu oleh Sel Ukur Bahan, JP & P dalam aspek penilaian.

Bagi pakej-pakej pelaksanaan projek DTHO, terdapat 3 proses tender yang berlainan digunakan, iaitu tender terbuka, tender terhad dan tender rundingan. Tender terbuka diiklankan di akhbar tempatan dan terbuka kepada semua penender yang layak, sementara tender terhad pula ditawarkan kepada beberapa penender yang layak yang telah dikenal pasti. Tender rundingan pula ditawarkan kepada seorang penender yang telah dipilih dan harga kontrak dirundingkan. Ketiga-tiga proses tender ini hanya dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Kebanyakan pakej projek DTHO ditenderkan secara tender terbuka kecuali 2 pakej

bangunan yang dibuat secara tender rundingan terus dan satu pakej bangunan lagi secara tender terhad.

MEKANISME PENGURUSAN PROJEK DTHO

SISTEM PENGAWASAN


Kualiti kerja sesebuah projek, tidak kira seteliti mana ianya dirancang, bergantung kepada keberkesanannya sistem pengawasan yang digunakan. Kualiti di sini merangkumi mutu kerja struktur, kemasan dan susunatur. Ciri utama satu sistem pengawasan yang teratur dan mantap ialah ianya akan menghasilkan satu projek yang disiapkan mengikut spesifikasi tempoh masa dan peruntukan yang ditetapkan. Tugas utama pengawasan ini adalah menentukan pembinaan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam kontrak yang telah ditandatangani.

Pengawasan pelaksanaan projek semua pakej-pakej di DTHO dikendalikan sepenuhnya oleh JP & P. Sistem pengawasan yang digunakan di DTHO ini merangkumi Pegawai Penguasa (PP), Wakil Pegawai Penguasa (WPP), Jurutera Residen (JR) dan Juruteknik (JT). Bagi semua pakej di projek ini Pengarah JP & P dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP). Pengarah JP & P sebagai PP selanjutnya melantik WPP yang akan berurusan terus dengan pihak kontraktor. Walau bagaimanapun kuasa mutlak mengikut peruntukan kontrak masih berada di bawah kuasa PP dan beliau adalah wakil Kerajaan yang akan menjaga kepentingan Kerajaan di dalam pelaksanaan kontrak. Kuasa WPP hanya terhad kepada klausa-klausa yang dinyatakan melalui surat perlantikan perwakilan kuasa yang diperuntukkan di dalam kontrak.

Bagi pengurusan projek Perumahan DTHO, JP & P mengubahsuai struktur organisasi dengan mewujudkan Tim DTHO. Ketua Tim yang berkelayakan Jurutera Profesional dan berpangkat Lt Kol di lantik sebagai WPP. Keanggotaan tim ini berbeza dengan tim pengawasan yang lain dengan menambah kepakaran Kejuruteraan Elektrikal, Kejuruteraan Mekanikal, Ukur Bahan dan Ukur Tanah. Dengan pengambilan staf daripada pelbagai disiplin ini, pengurusan projek dapat dimantapkan lagi kerana kurangnya keperluan penyelarasan antara sel yang biasanya diperlukan. Penglibatan juruperunding bagi pakej-pakej yang berkaitan hanya dalam aspek khidmat nasihat sekiranya terdapat percanggahan. Bagi pakej-pakej yang dikendalikan sepenuhnya oleh JP & P, sel-sel yang berkaitan mengambil tempat juruperunding bagi perkhidmatan yang sama.

Di dalam Tim DTHO pula, seorang JR dilantik untuk setiap pakej dan beliau dibantu oleh beberapa orang JT. WPP dan JR akan berurusan terus dengan kontraktor. Kerjasama erat di antara kedua pihak ini adalah amat mustahak untuk menentukan sistem pengawasan yang teratur dapat dilaksanakan dengan licinnya. JR juga mestilah seorang jurutera yang berkelayakan dengan pengetahuan teknikal dan pengalaman yang mencukupi supaya beliau dapat memahami masalah-masalah yang timbul di tapak dan memberi keputusan secara tepat dan adil.

Di peringkat pelaksanaan, tugas utama JR adalah untuk menyelia dan mengawas kerja-kerja kontraktor. Antara yang utama adalah menentukan kerja-kerja yang dibuat adalah mengikut pelan dan menggunakan bahan-bahan binaan yang menepati



spesifikasi. JR juga perlu menentukan mutu kerja pihak kontraktor mencapai tahap yang ditetapkan. Sekiranya terdapat keperluan perubahan kerja, beliau perlu menyediakan permohonan dan seterusnya mengeluarkan arahan perubahan kerja yang diperlukan. Mengenai jadual kerja pihak kontraktor pula, JR perlu menyemak dari masa ke semasa dan mempastikan ianya praktikal dan boleh dilaksanakan oleh pihak kontraktor. JR juga perlu menentukan pihak kontraktor mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi yang berkaitan semasa pelaksanaan kerja. Di samping itu JR juga perlu mengurus dan mentadbir pejabat tapak mengemaskinikan segala jadual dan rekod persuratan yang membantunya mengawas projek.

Setiap kerja yang dilakukan oleh kontraktor diperiksa dan diawasi secara berperingkat oleh JR dan stafnya. JR juga akan mencatatkan sebarang pertukaran atau pembetulan supaya ada rekod kerja sebenar yang dilaksanakan pada akhir sesuatu projek. Pihak kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya terhadap cara-cara pembinaan yang digunakan dan tanggungjawab JR adalah untuk menentukan cara berkenaan menghasilkan mutu kerja yang memuaskan selaras dengan keperluan spesifikasi. JR juga akan mengadakan mesyuarat tapak pada setiap bulan di mana kemajuan bulanan dan masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan sesuatu kontrak akan dibincangkan. Ini adalah penting untuk mengelakkan sebarang kelewatan atau salah faham dan membolehkan masalah-masalah itu diselesaikan secara adil dan cepat mengikut peruntukan kontrak.

Juruteknik-juruteknik yang ditugaskan kepada sesuatu pakej akan membantu JR yang berkenaan dengan:

- * Memeriksa mutu kerja serta bahan-bahan binaan adalah seperti yang ditetapkan di dalam spesifikasi dan memaklumkan kepada JR jika tidak memuaskan.
- * Mengemaskinikan buku harian tapak.
- * Mengawasi kerja-kerja yang memerlukan "standing supervision" seperti kerja menuang konkrit.
- * Mengawasi kerja-kerja binaan yang rekod lengkapnya diperlukan seperti kerja menanam cerucuk.
- * Mengawasi pemeriksaan rutin seperti yang diarahkan oleh JR.

PENYELARASAN KERJA

Mesyuarat Tapak. Mesyuarat ini diadakan setiap bulan bagi setiap pakej. Walau bagaimanapun, sekiranya pakej tersebut sedang menghadapi masalah atau pihak Tim DTHO tidak berpuas hati dengan kemajuannya, mesyuarat ini akan diadakan setiap minggu. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk membincangkan kemajuan pakej tersebut di dalam sebulan yang lepas, masalah di tapak yang memerlukan perbincangan lanjut bagi semua pihak yang terlibat untuk memberi cadangan atau pendapat tentang mana-mana aspek pakej tersebut. Mesyuarat ini selalunya dipengerusikan oleh Ketua Tim DTHO selaku Wakil PP dan turut dihadiri oleh wakil Bahagian Pembangunan, wakil pengguna (MK TD - P&P) serta sel-sel JP & P yang berkaitan.

Mesyuarat Tim DTHO. Mesyuarat ini diadakan setiap bulan. Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk menyelaraskan kemajuan semua pakej projek ini dan seterusnya membincangkan sebarang masalah yang timbul. Setiap JR akan memberi taklimat ringkas tentang pakej masing-masing. Taklimat ini akan merangkumi kemajuan sebenar pakej berbanding dengan perancangan, kerja-kerja sedang dijalankan serta sebarang masalah yang memerlukan penglibatan Ketua Tim. Mesyuarat ini juga digunakan untuk mengkordinasikan kerja-kerja yang melibatkan dua atau lebih kontraktor berbagai pakej di satu lokasi.

Mesyuarat Tidak Berjadual. Apabila keperluan timbul, mesyuarat tidak berjadual di antara Tim DTHO dan kontraktor manapun di antara pegawai-pegawai DTHO sahaja akan diadakan. Tujuan utama mesyuarat-mesyuarat ini adalah untuk membincang sesuatu masalah yang memerlukan penyelesaian segera. Ini akan mengelakkan kelewatan-kelewatan yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan.

KAWALAN MUTU KERJA

Pengawasan ke atas pelaksanaan kerja-kerja oleh pihak kontraktor adalah aktiviti yang berterusan sehingga pakej-pakej pembinaan di ambil alih sepenuhnya oleh pihak pengguna termasuk kerja-kerja senggaraannya. Untuk mengesan kemajuan projek, mengenal pasti masalah-masalah pembinaan dan menjangka prestasi pembinaan, alat-alat pengurusan digunakan untuk membantu pengawasan yang sempurna.

Jadual Kerja (Work Schedule). Pihak kontraktor dikehendaki memajukan Jadual Kerja bagi keseluruhan skop kerja sesuatu pakej sebelum kerja-kerja dimulakan. Jadual kerja ini disediakan berdasarkan kepada masa kerja harian dan faktor

cuaca semasa. Setelah dipersetujui, kemajuan kerja dilaporkan berdasarkan kepada jadual tersebut. Penjadualan semula kerja mungkin diperlukan sekiranya didapati prestasi kontraktor jauh ketinggalan dan jadual kerja asal tidak boleh digunakan lagi. Jadual kerja ini membantu tim pengawas mengenai perkara-perkara berikut:

- * Memberi pertimbangan ke atas permohonan pihak kontraktor untuk melaksanakan kerja lebih masa.
- * Merancang carta aliran tunai untuk pembiayaan projek.
- * Memberi nasihat serta cadangan kepada pihak kontraktor untuk melicinkan perlaksanaan projek.

Laporan-Laporan Berkala. Sepanjang tempoh pembinaan projek, kontraktor dikehendaki memajukan laporan kemajuan bulanan. Laporan yang menyeluruh ini melaporkan kemajuan terperinci setiap skop kerja, carta cuaca harian dan jadual bilangan pekerja dan jentera pembinaan harian serta gambar-gambar pembinaan. Kesemua laporan kemajuan bagi setiap pakej kemudiannya dianalisa untuk menghasilkan laporan bulanan tim pengawas. Laporan-laporan daripada tim pengawas ini diagihkan kepada PP, Bahagian Pembangunan dan Markas Tentera Darat selaku pengguna. Laporan-laporan ini disediakan untuk mengenal pasti kemajuan fizikal pelaksanaan projek berbanding dengan Jadual Kerja yang disediakan. Laporan ini juga akan dapat memberikan tanda-tanda perlunya penjadualan semula kerja-kerja supaya dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam laporan ini seperti keadaan cuaca dan bilangan pekerja serta peralatan boleh digunakan sebagai faktor pertimbangan pemberian lanjutan masa kepada pihak kontraktor sekiranya diperlukan

ataupun mengenal pasti kesungguhan pihak kontraktor dalam melaksanakan kerja mengikut syarat yang ditetapkan. Ianya juga diperlukan oleh pihak pentadbir kontrak dan pengguna untuk menjangka keperluan aliran tunai tahunan bagi pembiayaan projek.

Carta Aliran Tunai. Carta aliran tunai disediakan oleh tim pengawas untuk memberi maklum balas keperluan peruntukan kepada pengurus kewangan. Carta ini disediakan berdasarkan kepada kemajuan pelaksanaan projek dan jadual kerja yang kemas kini. Biasanya carta ini diubahsuai kerana ianya bergantung kepada prestasi pelaksanaan. Carta yang kemaskini adalah diperlukan supaya pembayaran kepada pihak kontraktor dapat dibuat kerana kelewatan pembayaran boleh menjejas prestasi pelaksanaan oleh pihak kontraktor.

Perisian Komputer (Computer Software). Selain daripada perisian komputer biasa yang digunakan untuk tujuan pengurusan pejabat, perisian-perisian seperti ‘Computer Aided Design (CAD)’, ‘spreadsheet’, ‘database’ dan ‘computer language’ seperti BASICS dan FORTRAN digunakan juga untuk membantu pengurusan projek. Penggunaan perisian-perisian tersebut adalah seperti berikut:

CAD. Perisian ini kebanyakannya digunakan oleh Sel Arkitek dan Sel Rekabentuk untuk melaksanakan kerja-kerja mereka bentuk. Bagaimanapun ianya juga digunakan untuk memeriksa kerja-kerja juruperunding sekiranya terdapat percanggahan yang dikenal pasti semasa kerja-kerja sedang dilaksanakan. CAD ini digunakan untuk mendapatkan rekabentuk alternatif dengan segera supaya kerja-kerja

di tapak tidak terbengkalai.

‘Spreadsheet’. Perisian ini digunakan untuk memproses tuntutan pembayaran projek oleh pihak kontraktor, merancang dan menyediakan carta aliran tunai pembiayaan projek dan pengiraan peratusan kemajuan pelaksanaan projek.

‘Database’. Perisian ini digunakan untuk menyimpan maklumat pelan-pelan lukisan, butir-butir kontrak dan maklumat-maklumat boleh dikeluarkan mengikut format yang dikehendaki.

Bahasa ‘BASICS’ dan ‘FORTRAN’. Perisian ini digunakan untuk menulis program-program yang digunakan untuk mempercepatkan proses penganalisaan data-data tapak oleh kontraktor yang memerlukan maklum balas yang segera daripada tim pengawas. Program-program yang ditulis juga digunakan untuk memastikan penukaran spesifikasi bahan binaan oleh pihak kontraktor tidak menjejas kualiti pembinaan yang telah ditetapkan.

PENGAJARAN

Projek perumahan DTHO dijangka akan disiapkan pada penghujung tahun 1996. Setakat ini kos pembinaan telah mencapai RM 200 juta dan penyiapan keseluruhannya dijangka memerlukan lebih kurang RM 22 juta lagi. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos ini. Antara faktor yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Sistem Kumbahan. Seperti yang telah diperjelaskan terlebih dahulu, sistem kumbahan yang sepatutnya disambungkan ke sistem kumbahan DBKL tidak dapat dilaksanakan akibat masalah kontrak yang dihadapi oleh DBKL. Masalah yang di luar kawalan pihak pengurusan projek DTHO ini telah mengakibatkan keperluan penambahan skop pembinaan yang melibatkan kos bernilai RM 4.11 juta.

Sistem Kontrak. Pelaksanaan projek DTHO ini melibatkan 13 pakej kontrak pembinaan dalam satu kawasan. Oleh kerana sebahagian daripada pakej-pakej tersebut saling bergantung antara satu sama lain, kegagalan sesuatu pakej melaksanakan kerja mengikut jadual akan menggugat kesempurnaan pelaksanaan pakej-pakej yang lain. Keadaan yang seumpama ini memerlukan penyelarasan yang teliti oleh pihak pengurusan kontrak. Oleh kerana kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam kontrak agak terhad, PP hanya dapat mencadangkan langkah-langkah untuk menangani masalah. Kelewatan tindakan ke atas langkah-langkah yang dicadangkan banyak mengakibatkan kegagalan penyelarasan.

Komitmen. Secara amnya kerjasama yang telah terjalin antara Agensi Pusat dan DBKL sebagai pihak yang memberi kelulusan, Bahagian Pembangunan, KEMENTERAH sebagai pentadbir kontrak dan JP & P sebagai pelaksana telah membolehkan pelaksanaan projek berjalan lancar pada keseluruhannya. Bagaimanapun terdapat juga masalah yang sukar diselesaikan. Sebagai contoh, pakej jalan raya dan perparitan tidak dapat dilaksanakan

sepenuhnya kerana sebahagian daripada jajaran jalan dirancang untuk melalui kawasan perumahan setinggan. Usaha memindahkan penduduk tidak dapat dilaksanakan kerana melibatkan masalah politik. Ini telah mengakibatkan penyerahan tapak kepada pihak kontraktor tidak dapat dibuat sepenuhnya, dan tempoh kontrak yang terpaksa dilanjutkan mengakibatkan penambahan kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan.

Juruperunding. Sebahagian besar daripada perancangan projek ini dilaksanakan oleh firma juruperunding. Apabila projek dilancarkan, terdapat banyak perubahan kerja yang perlu dibuat yang tidak termasuk dalam skop pembinaan yang telah disediakan. Perubahan yang diperlukan melibatkan penambahan kos pembinaan yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan. Dalam hal ini juruperunding tidak dipertanggungjawabkan kerana tidak termaktub di dalam kontrak yang ditandatangani antara mereka dengan pihak Kerajaan.

Di dalam pengurusan projek, faktor-faktor yang tersebut di atas sering berlaku dan sukar diatasi sepenuhnya. Bagaimanapun usaha boleh dibuat untuk mengurangkan kesannya. Perkara-perkara berikut haruslah diberi perhatian untuk memantapkan lagi sistem pengurusan projek di masa hadapan:

Kerjasama. Kerjasama erat di antara pentadbir dan pengurus kontrak, pengguna dan pihak berkuasa tempatan haruslah dititikberatkan. Dengan ini, semua pihak akan menjadi lebih prihatin terhadap prestasi pembinaan, dan seterusnya memahami sebarang cadangan dan

tindakan PP sebagai pengurus kontrak untuk menangani sebarang masalah.

Tanggungan Juruperunding. Kontrak khidmat juruperunding haruslah diteliti supaya juruperunding yang dilantik memikul tanggungan terhadap khidmat profesional mereka. Ini akan mengelakkan kerja sambil lewa yang tidak mencerminkan etika profesionalisme.

PENUTUP

Sistem pengurusan projek yang dilaksanakan oleh JP & P, khususnya bagi mengendalikan Projek Perumahan DTHO telah terbukti keberkesanannya dalam menghasilkan produk yang berkualiti. Projek ini telah berupaya memberikan kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa kepada warga TD, khususnya anggota-anggota yang berkhidmat di sekitar Kuala Lumpur. Keupayaan untuk menyediakan sebuah kompleks perumahan yang serba lengkap di DTHO ini turut membuktikan keprihatinan pihak pengurusan

TD terhadap kebajikan warganya. Adalah menjadi harapan semua pihak, kejayaan sedemikian akan turut menyumbang ke arah meningkatkan moral dan profesionalisme di kalangan anggota tentera keseluruhannya. Bagi anggota-anggota yang menjadi penghuni pula, adalah diharapkan perasaan terima kasih akan menimbulkan sikap bertanggungjawab untuk berusaha menjaga segala kemudahan yang telah disediakan.

Bagi JP & P, kejayaan menguruskan pembinaan projek ini adalah sesuatu yang membanggakan. Selain dapat menimba pengalaman dalam bidang pengurusan projek, JP & P dapat melatih anggota-anggotanya untuk meningkatkan pengetahuan teknikal dan pengalaman dalam menyeliahan projek pembangunan yang agak luar biasa. Meskipun terdapat kepincangan, kerjasama erat antara agensi-agensi yang terlibat telah dapat menyelesaikan setiap masalah dengan jayanya. Adalah diharapkan pengalaman dan pengajaran yang diperolehi di dalam menguruskan projek ini dapat meningkatkan lagi tahap profesionalisme setiap anggota bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.



Mejar Ir Chappy bin Hj Redzwan telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Askar Jurutera DiRaja pada 1 Nov 85 sebaik sahaja menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam dari University of Texas, Austin, United States of America. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Pegawai Terup di Skuadron Jurutera Ke 2 dan Pegawai Rancang di 91 Rejimen Pembinaan Jurutera DiRaja. Pada masa ini beliau menjawat jawatan sebagai Jurutera Residen, Tim Projek Desa Tun Hussein Onn.

PUSAT SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN (Bahagian 1)

*Dr Abdul Ghaffar bin Ramli
Kapt Norazman bin Mohamad Nor*

Sinopsis

Artikel ini diterbitkan untuk memberi maklumat perkembangan fungsi PSTP. Pertubuhan ini telah wujud semenjak tahun 1968, semoga artikel yang bercorak 'informative' ini dapat meluaskan pengetahuan para wira terutama yang baru berkhidmat di dalam ATM.

PERANAN, FUNGSI DAN ORGANISASI

LATAR BELAKANG

Kepentingan sains dan teknologi dalam aktiviti ketenteraan masa kini tidak boleh diabaikan. Setiap peralatan ketenteraan berlandaskan teknologi tertentu dan hanya boleh dimanfaatkan dengan optimum melalui fahaman lengkap sesuatu teknologi. Atas asas ini Pusat Sains & Teknologi Pertahanan telah ditubuhkan dalam Kementerian Pertahanan pada tahun 1968 (ketika itu dikenali sebagai Pusat Teknikal Pertahanan). Tanggungjawab utama pada ketika itu ialah menyediakan spesifikasi peralatan ketenteraan serta menjalankan penilaian dan ujinalai terhadap alat-alat ketenteraan yang dibeli. Dengan penglibatan Pusat tersebut dalam penyelidikan operasi ketenteraan, namanya telah berubah kepada Pusat Penyelidikan Pertahanan pada tahun 1972. Pada tahun 1985, pusat ini

telah ditetapkan sebagai pusat pemindahan teknologi ketenteraan dan digelar Pusat Sains & Teknologi Pertahanan (PSTP) hingga kini.

PERANAN PSTP.

Secara umum PSTP berperanan untuk membekalkan sokongan teknikal kepada ATM. Peranan khusus PSTP adalah berikut:

- * Memberi nasihat saintifik dan teknologi dalam perumusan dan pelaksanaan dasar pertahanan yang bersangkutan dengan sains dan teknologi.
- * Melaksanakan sokongan saintifik dan teknologi untuk jaminan kualiti

menyeluruh dalam pemilihan, perolehan dan penggunaan peralatan dan sistem pertahanan

- * Membantu dalam memberi galakan kepada pengeluaran peralatan dan sistem pertahanan tempatan.

- * Mengadakan sumber-sumber sains dan teknologi yang berkeupayaan untuk memenuhi kehendak strategi pertahanan dalam perolehan dan sistem pertahanan

FUNGSI PSTP.

Selaras dengan peranan yang disenaraikan, fungsi PSTP adalah berikut:

- * Melaksana dan membantu di dalam penyelarasan kajian saintifik penyelidikan bagi memenuhi keperluan pertahanan masa kini dan masa depan.

- * Mengkaji dan membangunkan teknik, bahan dan proses dalam memberi sokongan rekabentuk, penyediaan spesifikasi, pembuatan dan jaminan kualiti.


- * Membekalkan kemudahan untuk pengukuran saintifik sebagai asas bagi penentukan jitu dan pengujian.

- * Menyiasat punca-punca masalah dalam pembekalan, penyimpan dan penggunaan bahan-bahan pertahanan.

- * Membantu dalam penganalisisan dan penilaian faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesan operasi ATM.

- * Membentuk dan mengekalkan tahap keberkesan yang tinggi berkaitan

kemudahan teknikal, peralatan, perkhidmatan maklumat dan sumber-sumber lain untuk menyokong fungsi di atas.



Penentuan Kualiti Peluru Senjata Ringan

AKTIVITI PSTP

Berlandaskan kepada peranan dan fungsi PSTP yang disenaraikan di atas, aktiviti semasa PSTP secara amnya adalah berikut:

- * **Penilaian Teknikal.** Aktiviti ini merangkumi penentuan kesesuaian sesuatu barang melalui penilaian contoh, risalah, bahan, spesifikasi, standard dan lain-lain. Penilaian kesesuaian barang untuk kegunaan ATM seringkali melibatkan pihak tentera dan PSTP secara bersama.

- * **Pengujian Teknikal.** Aktiviti ini melibatkan kerja-kerja makmal dan lapangan dalam pengendalian dan penganalisisan kesesuaian sesuatu sistem, peralatan, bahan dan sebagainya. Lazimnya keperluan pengujian teknikal ditentukan dan dipohon oleh unit-unit tentera mengikut keperluan dan keadaan sistem ataupun sesuatu peralatan. Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah berikut:

*Ujian Medan - Rakit (Catamaran)*

- * Menentukan prestasi barang mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi perolehan barang baru ataupun berkala.
- * Menentukan keadaan semasa, samada untuk mengenalpasti jangka hayat peralatan ataupun kesesuaian persekitaran penyimpanan peralatan dan bahan bagi peralatan dan bahan yang sedia ada.
- * Memantapkan keberkesanan peralatan, penentukan parameter boleh laras, pengoptimuman penggunaan sistem dan sebagainya bagi peralatan atau sistem yang sentiasa digunakan ataupun beroperasi.

*** Penyelidikan dan Pembangunan (P&P).** Aktiviti ini bertujuan membangunkan keupayaan teknikal bagi menyaingi teknologi ketenteraan masa kini. Aktiviti ini dibiayai melalui suatu peruntukan khas Belanjawan Pembangunan , yang diagihkan kepada kumpulan-kumpulan penyelidik untuk menjalankan projek-projek khusus. Jumlah projek P&P yang dijalankan adalah sebanyak 54 projek iaitu 19 projek dilaksanakan oleh PSTP, 11 projek oleh Tentera Darat, 7 projek TLDM dan 17 projek TUDM, projek-projek ini dijalankan sama ada bersendirian ataupun dengan kerjasama PSTP.

*Ujian Radiografi Ke Atas Bilah Kipas Utama Helikopter**Seminar Penyelidikan Anjuran PSTP**Analisis Getaran Isyarat*



Penyiasatan Ke Atas Meriam 90mm

* **Penyiasatan.** Aktiviti ini dilakukan atas permohonan tertentu, lazimnya akibat kerosakan dan kemalangan, bertujuan menentukan punca-punca kejadian bagi maksud melapor dan menyediakan syor serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelak pengulangan insiden pada masa hadapan. Penyiasatan melibatkan pengumpulan maklumat kejadian, pengajian sejarah kendalian dan selenggaraan sesuatu sistem atau peralatan, penganalisisan makmal terhadap bahan, komponen dan sebagainya. Jika perlu, pengujian operasi akan dilaksanakan dalam keadaan yang serupa atau dengan menggunakan model untuk meneliti semua kemungkinan di atas sesuatu kejadian.

ORGANISASI PSTP

Organisasi PSTP dicorakkan mengikut peranan, fungsi dan aktiviti yang dinyatakan di


atas, Rajah 1 menunjukkan carta organisasi PSTP yang meliputi 3 unit teknikal dan 1 unit Urusetia Pentadbiran.

PSTP kini mempunyai 241 jawatan yang terdiri daripada 62 jawatan Pegawai Penyelidik, 115 jawatan sokongan teknikal, manakala yang selebihnya jawatan sokongan pengurusan

PENUTUP

Memandangkan PSTP merupakan sebuah organisasi yang kecil dengan peranan dan fungsi yang amat besar dan penting, suatu rancangan peningkatan tenaga kerja dan kemahiran penyelidik telah dirangka dan dijadikan sebahagian dari rancangan menyeluruh masa depan PSTP. Pada masa ini nisbah antara jawatan teknikal di PSTP dengan jumlah jawatan tentera ialah 1 : 650. Nisbah yang kecil ini mengakibatkan beban kerja yang berlebihan kepada PSTP. Bandingan nisbah tersebut bagi Australia ialah 1 : 27, dan India 1 : 70. Menjelang tahun 2000, nisbah berkenaan dirancang akan dikurangkan ke tahap 1 : 250.

(Bahagian 11 : PSTP-Kepakaran dan Peralatan akan disiarkan di dalam edisi ke 31)

Rajah 1 :Carta Organisasi Pusat Sains & Teknologi Pertahanan



Dr Abdul Ghaffar bin Ramli kini menjawat jawatan Pengarah Pusat Sains & Teknologi Pertahanan. Beliau telah berkhidmat sebagai pegawai penyelidik selama 16 tahun.. Sebelum ini beliau bertugas sebagai Pengarah Penyelidikan Unit Tenaga Nuklear (PUSPATI) selama 2 tahun. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah di dalam bidang Fizik dari University of Birmingham, UK.



Kapt Norazman bin Mohamad Nor telah ditauliahkan ke dalam Kor Jurutera Di Raja pada 1 Nov 86 setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dan Matematik dari USA. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke USM melalui Skim Pengajian Tinggi ATM dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains Penyelidikan Operasi pada tahun 1995. Beliau kini bertugas sebagai PS 2 Penyelidikan di PSTP.

AZ10(PSTP).DOC

COMPUTER AIDED SOFTWARE ENGINEERING

CASE TOOLS *What, Where used and its Evolution*

Mej Soo Kee Sing

INTRODUCTION

Computer-Aided Software Engineering (CASE) tools have been promoted as one of the solutions that will counter the problems of poor software quality and inadequate documentation. The use of such tools has increased substantially over the past few years, particularly in the area of information systems design. These tools are typically stand alone PC/workstation-based products, containing a data dictionary, graphical interfaces, documentation tools, tools for analysis and consistency checking, and (limited) application generators. These products automate parts of the system development life-cycle and attempt to overcome the productivity and quality crisis in software development.

Thus this paper will attempt to look at CASE tools support in a software development life-cycle based on the classical "waterfall model". It is followed by a brief discussion on the shortcomings of first generation CASE tools and how it was addressed by the second generation CASE tools. Subsequently, the pros and cons of CASE tools was discussed followed by its evolution towards Intergrated CASE tools in the "New" software engineering process

environment. First and foremost, let us try to understand what CASE is all about.

WHAT IS CASE

The most basic form of CASE means automation of existing software engineering methods and practices with the goal of improving the quality of the product and the efficiency of software developers. Such automation of software engineering methods is relatively new but it is hoped that it will prove to be as successful as the automation provided by Computer-Aided Design (CAD) and Computer-Aided Manufacturing (CAM).

CASE was defined by McClure (1989) as a combination of software tools and methodologies. He advocates that CASE was based on automation whereby it attacks software productivity problems at both ends of the life cycle by automating iterative analysis and design tasks with rapid response time and early error checking, as well as visual programming implementation and maintenance tasks.

As we move into the area of Structured Software Development Methodology, M Crozier (1989), advocates that CASE is a mechanism for structured methodologies which has been around

since the 1970s, but before the advent of CASE they had made little impact on organisations concerned with system development. The reason being the detailed diagrammatic techniques of most these methodologies were exceedingly tedious to use. CASE tools, however are bringing new life to structured methodologies by transforming system development into a fully automated process. Next, let us look at how CASE tools support come into place at the various stages of a classical software development life-cycle.

SYSTEM LIFE-CYCLE AND CASE TOOLS SUPPORT

A software system's life-cycle is generally defined as a period starting with an idea of a software product and ending with the materialisation of the software and its delivery to the customer. Based on the "waterfall model", the phases in a software development life-cycle and its corresponding CASE tools support are as follows:

